



DR MOHD PAUZI ketika ditemu bual wartawan TV9 di studio Putra FM, baru-baru ini.

## Pelajar UPM promosi Putra FM tarik minat pendengar kampus

**P**ELAJAR Bachelor Komunikasi Fakultas Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Promosi Stesen Radio Putra FM (Putra FM) bagi mendekatkan stesen itu dengan pendengarnya, baru-baru ini.

Program sehari itu bertujuan mempromosikan saluran FM 90.7 dikendalikan pelajar UPM sendiri kepada warga universiti dan masyarakat setempat.

Pensyarah FBMK UPM, Dr Mohd Pauzi Abd Latif, menyifatkan program dianjurkan dapat memperkenalkan stesen radio itu kepada warga kampus terutama pelajar baru universiti berkenaan.

"Putra FM adalah stesen radio khusus untuk warga kampus yang beroperasi sejak tujuh tahun lalu dan siarannya membolehkan

Lembah Klang, namun tidak ramai mengetahui kewujudannya termasuk warga UPM sendiri," katanya.

Beliau berkata, promosi dianjurkan pelajar kursus Strategi Perhubungan Awam itu mendedahkan mereka kaedah menganjurkan sesuatu majlis dengan mengambil kira aspek penajaan, pemasaran dan pengiklanan serta pengurusan.

Sementara itu, penerbit Putra FM, Syaiwar Hazny, berkata stesen terbabit adalah yang kedua di institusi pengajian tinggi awam selepas Universiti Teknologi Mara.

"Radio ini dikendalikan empat kakitangan sambil dibantu 10 pelajar yang bertindak sebagai juruhebah supaya penyampaiannya lebih berbentuk informasi dan ilmiah," katanya.

Beliau berkata, penubuhannya memberi pendedahan pelajar dan merasai suasana

kerja sebenar dalam bidang penyiaran radio, manakala peralatan digunakan berbentuk digital kerana perisiannya berasaskan komputer.

"Putra FM beroperasi sekitar 10 pagi hingga 12 malam," katanya.

Pada hari promosi berkenaan, Putra FM turut menemu bual secara langsung penyanyi rancangan realiti Akademi Fantasia, Mila, selain pelbagai kegiatan untuk pendengar seperti cabutan bertuah dan persembahan artis tempatan.

Bagi penyampai Putra FM, Nur Nazirah Naziruddin, berkata siaran yang terhad membataskan pelajar menjadikan stesen berkenaan radio kegemaran mereka.

"Diharap frekuensi Putra FM diperluaskan ke kawasan lain supaya menjadi pilihan warga UPM yang berada di luar kampus," katanya.